



Wartawan Sinar Harian Terengganu bersama anugerah yang diterima.

## Sinar Harian dominasi Anugerah Kewartawanan UniSZA

KUALA TERENGGANU - Sinar Harian Terengganu mendominasi Anugerah Kewartawanan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dengan memenangi empat kategori sempena Malam Anugerah Kewartawanan UniSZA 2018.

Antara kategori dimenangi Sinar Harian Terengganu ialah Anugerah Berita Akhbar Terbanyak dan Anugerah Khas Media Program Empower-ECER 2017.

Manakala, dua anugerah disandang wartawan Sinar Harian Besut, Mohd Taha

Yaacob bagi kategori Anugerah Khas Media dan wartawan Sinar Harian Kuala Nerus, Nurul Huda Hussain bagi kategori Anugerah Berita Terbaik (Bahasa Melayu) bertajuk Berkorban demi Anak Istimewa.

Selain itu, wartawan Sukan Sinar Harian, Zubir Sulaiman turut memenangi pakaian tema mengalahkan hampir 100 peserta lain.

Majlis Malam Anugerah Kewartawanan UniSZA itu disempurnakan Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti,

Datuk Ismail Wan Yusoh.

Turut hadir, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Prof Dr R. Badlishah.

Seramai hampir 300 wartawan yang kebanyakannya dari Kelab Wartawan Media Terengganu (Kawat) hadir pada majlis itu.

Sementara itu, Ismail dalam ucapannya berkata, kerjasama erat terjalin antara media dan universiti diharap berterusan dalam menjadi wadah kepada masyarakat bagi mengikuti perkembangan universiti dari masa ke semasa.